

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 25 JUN 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	KILANG PLASTIK SELEWENG 96,000KG BAJA SUBSIDI DISERBU, ISU, BH -16 FERTILISER RING CRIPPLED, NATION, THE STAR -10 DEPUTY AGRICULTURE MINISTER SAYS PEOPLE SHOULD SAY NO TO PIGLET BEFORE SWINE FLU DIES DOWN, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14 SIM TZE TZIN: EAT LESS SUCKING PIGS, NATION, CHINA PRESS -A11 SIM TZE TZIN URGES PUBLIC NOT TO EAT IMPORTED SUCKING PIG FOR THE TIME BEING, NATIONAL, MANYANG SIANG PAU -A22 ROBBER AND BROTHER ARRESTED, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
7. 8.	TIDAK SEMUA SAKIT PERLU ANTIBIOTIK, NEGARA, KOSMO -14 9 LAGI DISYAKI KENA JANGKITAN, ISU, BH -17	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9. 10.	45,000 EKOR BENIH UDANG KARA DIRAMPAS, SETEMPAT, SH -36 45,000 BENIH UDANG DIRAMPAS, SETEMPAT, HM -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12.	MARDI CADANG PERLUAS TANAMAN DURIAN MDUR 88, BISNES, BH -58 MARDI PERLUAS TANAMAN DURIAN HIBRID MDUR 88, NEGARA, KOSMO -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
13. 14. 15.	NANAS KUALA LANGAT, K2, KOSMO -20 KUALA LANGAT BAKAL HAB NANAS DI SELANGOR, K2, KOSMO -20 MANFAATKAN SEBAIKNYA SERAT NANAS, K2, KOSMO -21	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
16.	IKAN MURAH, BEKALAN CUKUP, SETEMPAT, HM -24	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
17.	SEGERA PEMUTIHAN SENARAI PETANI AKTIF, MINDA PENGARANG, BH -10	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
18.	AGENSI PPK GUNA DATA LAMA BUAT PESANAN, ISU, BH -16	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
19. 20.	DURIAN SEJUK BEKU SUMBER BARU PENDAPATAN NEGARA, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3 HARGA BARANGAN SEMAKIN TERKAWAL, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -4	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

SUSULAN SUBSIDI BAJA BOCOR

Kilang plastik seleweng baja 96,000kg baja subsidi diserbu

KPDNHEP tahan pemilik gudang, bahan dibungkus semula guna jenama berbeza

Oleh Siti Nur Mas Ersh

* Amaran bhnews@bh.com.my

P. Yan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 96,000 kilogram baja subsidi jenama dianggarkan bernilai RM100,000 yang dipercayai diseleweng di sebuah kilang plastik di Guar Chempedak, di sini, semalam.

Seruan bermula jam 11 pagi

bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Jabatan Imigrasi Malaysia (JIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) itu turut mendapati premis itu tidak mempunyai lesen pemborong.

Difahamkan, baja yang dirampas di gudang premis berkenaan turut dibekalkan menerusi Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAEAS) selain jenama Rerti Star.

Jual RM100 sekamplit

Baja kimia yang diperoleh daripada 'penjual' akan dibungkus semula menggunakan jenama berbeza sebelum dijual dengan harga lebih RM100 sekamplit.

Kerja pembungkusan semula akan dilakukan pada waktu petang dan malam, bergantung kepada penghantaran bekalan baja yang diperolehi.

Premis berkenaan dipercayai menjalankan operasinya sejak beberapa tahun lalu dan hasil risikan

[FOTO AMRAN EAMUD/BER]



Pegawai KPDNHEP, Mohd Yazid Azmi dan Kamal Reza Kamal Pasiha memeriksa baja subsidi diseleweng di kilang, di Guar Chempedak, Yan, semalam.

dijalankan berjaya mengenai pasti kegiatan penyelewengan itu.

Pegarah Bahagian Pengangkutan Halim Sulaiman, Datuk Iskandar Halim Sulaiman, mengesahkan pemilik baja tidak memiliki lesen becahitan penyimpanan baja yang menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pemilik gudang, iaitu seorang lelaki tempatan berusia 36 tahun ditahan dalam serbuan itu.

"Sebuah lori treler turut disita menjadikan keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM250,000.

"Siasatan seterusnya akan dijalankan bagi mengetahui punca ketirisan subsidi kerajaan itu," katanya ketika dihubungi BH selepas operasi berkenaan.

Sementara itu, sumber Jabatan Imigrasi mengesahkan empat lelaki warga negara Pakistan berusia antara 30 sehingga 40-an turut ditahan dalam serbuan itu.



Pemilik gudang, iaitu seorang lelaki tempatan berusia 36 tahun ditahan dalam serbuan itu. Sebuah lori treler turut disita menjadikan keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM250,000"

Iskandar Halim Sulaiman, Pegarah Bahagian Pengangkutan KPDNHEP

Semua memiliki permit sah namun didapati melanggar Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigrasi 1963 kerana alamat tempat kerja yang diinfartikan berbeza.

Kerja pembungkusan

Difahamkan, ada warga asing sudah bekerja di situ selama tiga tahun dan bertanggungjawab melakukan kerja pembungkusan semula baja yang dihantar ke kilang terbabit.

Terdahulu, BH melaporkan ketiadaan data lengkap jumlah petani aktif dipercayai menyebabkan kerajaan kerugian berjuta ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan penyelewengan dalam aghnan subsidi baja.

Penyelewengan subsidi baja berkenaan turut dikesan antara punca petani negara ini gagal memperbaik taraf hidup.

Fertiliser ring crippled

96 tonnes of repacked subsidised goods seized



Success in the bag: Enforcement officers from the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs inspecting the fertiliser bags on a lorry during the raid at an illegal factory in Gurun, Kedah yesterday.

GURUN: A syndicate has been convincing padi farmers for years to sell their government-subsidised fertiliser, instead of using it to improve their rice yields.

The syndicate offered RM15 for a 25kg bag, which the farmers bought for RM10.

What the farmers did not realise was that the syndicate then repacked the fertiliser into 50kg bags before reselling them for RM100 a bag.

The syndicate's antics came to an end after enforcers raided the repacking factory in Guar Chempedak, near here.

Over 96 tonnes of subsidised chemical fertiliser were seized and a lorry worth RM150,000 was also confiscated.

It is learned that the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry and Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) had been watching the syndicate for about two years and were learning how they were profiting from their operation before launching the raid.

In the Guar Chempedak raid, dubbed *Ops Utara*, at 11am yesterday, the enforcers arrested a 36-year-old man, who is believed to be in charge of the factory, along with four illegal Pakistani workers.

A senior MACC officer, who asked not to be named, said the team earlier raided two other factories and found that they were licensed fertiliser producers.

"This illegal one was originally a plastic processing factory.

"The owner didn't put up any sign-board but used the name of the previous factory as a cover," he added.

The others involved in the operation included personnel from the Agriculture and Agro-Based Industry Ministry and state Immigration Department.

Kedah Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Datuk Iskandar Halim Sulaiman confirmed the raid.

The owner of the factory will be investigated under the Control of Supplies Act, 1961 for being in possession of controlled items without the authority of the supply controller.

Headline	Deputy Agriculture Minister says people should say no to piglet before swine flu dies down		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	25 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	105 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,177
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,532



副农长:猪瘟解决前 民众须向乳猪说“不”

(威南 24 日讯)我国农业与农基副部长沈志勤指出,在亚洲爆发非洲猪瘟 (ASF) 疫情后,我国已经禁乳猪进口,然而餐馆还有乳猪上桌的不正常现象,一般推测这与走私有关了。

他说,为此,在这非常时期的执法当儿,他希望全民与政府合作,大家一起对乳猪说“不”,只有在非洲猪瘟问题解决后,进口乳猪才会恢复正常。我国的猪只是足够供应本地市场,只有 7% 是外国入

口,进口的也是猪肉制成品,如香肠及乳猪;而乳猪多数是从越南进口。

他也警告业者,如果猪只有发现非洲猪瘟或类似猪瘟迹象,都必须第一时间向兽医局报告,不可以耽误或偷偷转卖。

他是周一下午 3 时,与兽医部总监拿督古亚扎尼查慕丁、槟州兽医局卫生组主任娜比拉等一行人拜访华都村王兄弟农场(槟州最大封闭式养猪场)后,在记者会上作如是表示。#

沈志勤在会上也发表了为业者需要加强的行动事项

- 1) 业者应避免拜访受感染国家的养猪场。
- 2) 确保农场“周边”围栏状况良好。
- 3) 业者在非常时期应避免互串门子。
- 4) 养猪场工人穿着干净及必须经过消毒。
- 5) 运饲料和运输猪只的交通工具也需消毒。
- 6) 禁业者使用厨余饲养,须使用饲料养殖。

Headline	Sim Tze Tzin: Eat less suckling pigs		
MediaTitle	China Press		
Date	25 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A11	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,244
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,732



■华都村王观洲兄弟农场的封闭式养猪场，是全槟最大的封闭式养猪场。

沈志勤：非洲豬瘟爆發 少吃乳豬！

（威南24日讯）农业部副部长沈志勤劝告民众，非洲猪瘟在其他国家爆发的非常时期，希望国人尽量减少吃乳猪，晚宴尽量别订乳猪菜色。

他强调，大马生产的猪只占93%，仅7%是从外国进口，如乳猪或香肠等猪肉加工产品。乳猪是晚宴的重要菜肴，然而大马生产乳猪有限，产量不足，多数是从越南进口。政府已于今年11月23日禁止从越南进口猪肉及制品。

“马来西亚的乳猪产量很少，市场上却还有卖乳猪。到底这些乳猪从何

而来？很可能是走私问题。”

沈志勤希望在当局加紧执法当儿，国人能在非常时期不要吃乳猪，待非洲猪瘟问题解决后，才恢复正常。

沈志勤今年拜访全槟最大封闭式养猪场即王兄弟农场时，召开记者会发布详情。

他说，非洲猪瘟能造成猪和野猪100%死亡的动物疾病，截至6月29日，亚洲有6国发现非洲猪瘟，即中国、蒙古、越南、柬埔寨、朝鲜及寮国。

出席者包括兽医局总监拿督华查尼查慕丁、槟州兽医局局长纳碧拉、槟州养猪公会主席王凌燕、华都村社管会主席黄景新，以及王兄弟农场北首王观洲等。

有豬瘟跡象須匯報 不可偷偷轉賣



■王富升（左起）向沈志勤介绍封闭式养猪场的运作，右为华查尼查慕丁。

沈志勤“警告”猪农，倘若发现农场出现类似非洲猪瘟的迹象，必须第一时间汇报兽医局等相关单位，不可耽误或企图偷偷转卖。

“别认为当局不会发现，我们一定会发现，希望猪农能与我们合作，我们会尽量给予帮忙，前提是猪农给予配合。”

他说，在1953年第647动物法令第31条文下，猪农有责任在发现猪只生病或死亡，报兽医局，且不能在未经允许下移动有关猪只。

“未报的违例者，将会被罚款不

超过2万5000令吉。”

沈志勤也劝请猪农做好几项防范措施：（一）农民不要去外国农场，特别是爆发猪瘟的外国农场；（二）确保农场围篱良好；（三）农场北首暂时不要互相拜访其他农场；（四）员工进出农场，必须穿上乾淨衣服及水鞋，进入前先消毒；（五）运载饲料或猪只的罗厘进入农场前，必须先消毒，避免病菌传染；（六）猪农禁止使用食物厨余来回养猪只，必须用饲料喂猪。

Headline	Sim Tze Tzin urges public not to eat imported suckling pig for the time being		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	25 Jun 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A22	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	852 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,717
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,151



沈志勤：疑走私自越南

暂勿吃进口乳猪

(威南 24 日讯) 农业部副部长沈志勤劝请民众，在目前非洲猪瘟肆虐的非常时期，别吃进口的乳猪。他指出，当越南于今年 1 月 23 日发生非洲猪瘟

后，大马已即刻采取措施禁止进口越南乳猪，无奈迄今国内餐馆仍处处可见烧乳猪食品。

沈志勤今日巡视槟州最大封闭式养猪场——华都王兄弟农场后，在新闻发布会上说，政府怀疑这些乳猪是走私进入我国。他说，政府已下令禁止入口发生非洲猪瘟的国家的猪肉和成品。中国是于去年 11 月发生猪瘟，接着波兰、比利时、泰国和越南于今年 1 月“沦陷”，柬埔寨则在 4 月发生猪瘟。

仅进口 7%猪肉

“我国养猪业生产的猪肉是以自给自给，只有 7%是进口，而进口的猪肉或成品有香肠之类，另外有乳猪，其中最大的乳猪供应国是越南。我们都知道，乳猪在晚宴上是一道很重要的菜肴，但若是进口越南乳猪则将是一个大问题。”

他说，本国养猪农场生产的乳猪仅占小数目，主要还是靠进口，政府希望在这非常时期，民众尽量少吃乳猪或干脆别吃。

他说，从今年 1 月开始禁止入口后，市面上仍可看得见卖乳猪。

数措施防猪瘟

“这很可能是走私问题，当我们加紧执法当儿，希望民众和我们合作，暂时别吃乳



沈志勤（左二）访问华都王兄弟农场，左为农场少东王富升，右为兽医局总监国扎医生。

猪，待非洲猪瘟风波平息后，一切恢复正常时才吃。”

他指出，政府将采用多项措施防范非洲猪瘟。第一，传达资讯给所有业者；第二，在国内 6 个国际机场实施禁止入口猪肉成品；第三，将于今年 7 月 8 日召集全国猪农开会，灌输或要求业者遵循正确的农场生物保安措施；第四，召集所有相关的政府机构商讨对策，以防范非洲猪瘟。

“我们要严谨把关，并希望业者和人民与政府合作，阻止非洲猪瘟病毒入侵本国。”

投资总额达 50 亿 政府重视养猪业

沈志勤也说，国内养猪工业最大的州属依序是霹雳、檳城、柔佛和马六甲。农场投资总值高达 35 亿令吉，加上其他相关投资总额高达 50 亿令吉，是个非常庞大数额的投资，该行业前景获政府重视。

他劝诫业者警惕非洲猪瘟病毒，目前亚洲已有 6 个国家沦陷，业者切勿到沦陷国的

猪场。

勿用厨余喂猪

他也呼吁业者以合规格的饲料喂猪，勿用厨余或动物废料来喂猪。

“我们须以 20 年前的立百病毒事件为借镜，今次非洲猪瘟将比立百病毒更严重，是可摧毁我国数十年的养猪业。”

Headline	Robber and brother arrested		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	25 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,390
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,171



程序。右为古亚扎尼查赫丁，王富升向沈志勤（中）介绍封闭式养猪场。

劫匪首脑与弟落网 警侦破安美乳酪党

（吉隆坡 24 日讯）警方宣布侦破骑摩托车结党入屋抢劫的“安美乳酪 Amy Keju”党。

全国刑事调查局总监拿督胡西尔总监周一在新闻发布会上指出，这个匪党最近干下的劫案是于本周五，在万挠的一间金店。

警方迄今逮捕该匪党的 17 名成员，其中包括该党的首脑（32 岁）与弟弟。

他指出，警方相信这个匪党涉及雪隆地区多宗案件，而且很有组织性，若不早日将他们绳之于法，假以时日恐会更加威胁社会安宁。

“我们相信他们约有 40 至 45 名成员，而且大部分都是在监狱服刑时召揽的成员。”

“他们除了抢劫金店，也涉及入屋抢劫和抢劫解款车等重大劫案。” #

Tidak semua sakit perlu antibiotik

GEORGE TOWN - Orang ramai perlu dihebahkan bahawa bukan semua demam atau jangkitan memerlukan sebarang antibiotik dan ia bukan penyembuhan magik untuk semua penyakit.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye memberitahu, contohnya jangkitan viral, tidak memerlukan sebarang antibiotik dan orang ramai tidak perlu meminta antibiotik daripada doktor untuk setiap penyakit.

Boon Chye menekankan supaya golongan profesional kesihatan agar tidak silap dalam memberi antibiotik.

"Kami juga berharap syarikat farmaseutikal bertanggungjawab terhadap etika dan pemasaran yang bertanggungjawab dalam usaha mempromosi ubat-ubatan mereka.

"Dalam industri pertanian, kita berharap kawalan dalam penggunaan antibiotik bagi menggalakkan pertumbuhan dan dalam penternakan.

"Ini kerana, semua penggunaan antibiotik itu menyebabkan terikan rintangan ke atas bakteria yang akan merembes menerusi alam sekitar dan akhirnya dalam tetapan kesihatan manusia," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Bengkel Serantau Asia Mengenai Rintangan Antimikrobial di sini semalam. - Bernama

WABAK CHIKUNGUNYA

9 lagi disyaki kena jangkitan

➔ 23 pesakit hidap demam bawaan nyamuk hingga jam 5 petang kelmarin

Oleh Muhammad Mustakim Ramli
m.mustakim@bh.com.my

► Alor Setar

Sembilan lagi disyaki dijangkiti Chikungunya, menjadikan keseluruhannya 23 pesakit dijangkiti penyakit bawaan nyamuk itu sehingga jam 5 petang kelmarin.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail, berkata daripada jumlah itu, 15 pesakit disahkan positif chikungunya menerusi hasil ujian darah selepas mereka mengalami simptom demam, sakit sendi teruk dan ruam.

"Aktiviti kawalan vektor dijalankan dengan pemeriksaan 324 premis di kawasan berkenaan dan 16 daripadanya positif pembiakan."

"Pada masa sama, sebanyak 10 premis dikenakan kompaun mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP 1975) kerana menjadi tempat pembiakan nyamuk," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Norhizan berkata, selain itu, aktiviti semburan kabus juga dijalankan pada jarak sekitar 200 meter dari kawasan rumah kedai di Jalan Tunku Ibrahim berhampiran City Plaza.

BH semalam melaporkan, 14 individu dari deretan rumah kedai di Jalan Tunku Ibrahim disyaki menghidap chikungunya apabila mengalami simptom demam berkenaan.

Dipantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Sementara itu, pemilik rumah sarang burung walet di Jalan Tunku Ibrahim, menafikan perusahaan itu menjadi punca pembiakan nyamuk hingga berlaku penyakit chikungunya di kawasan berkenaan.

Teoh Shou Khang, 38, berkata adalah mustahil beliau dan tujuh pemilik rumah burung lain di kawasan itu tidak menjaga kebersihan premis masing-masing berikutan ia dipantau Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

CHIKUNGUNYA

Berpunca daripada virus Chikungunya yang disebarkan oleh nyamuk yang sama menyebabkan penyakit denggi

Demam

Sakit badan

Sakit sendi yang teruk sehingga boleh mengganggu pergerakan pesakit

SIMPTOM

RUAM

Jumlah kes

Perlis, Kelantan, Selangor, Melaka

PENCEGAHAN

- Gunakan semburan aerosol bagi membunuh nyamuk dewasa di dalam rumah
- Elak daripada melawat kawasan wabak chikungunya
- Gunakan bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air kekal atau sukar dibersihkan
- Bersihkan persekitaran, musnahkan tempat pembiakan Aedes setiap minggu
- Pasang jaring nyamuk di tingkap dan pintu rumah
- Gunakan repelan dan pakai pakaian berlengan panjang dan seluar panjang terutama apabila berada di luar rumah

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

DEEN CRAFT ON



Aktiviti kawalan vektor dijalankan dengan pemeriksaan 324 premis di kawasan berkenaan dan 16 daripadanya positif pembiakan"

Dr Norhizan Ismail,
Pengarah Jabatan
Kesihatan Kedah

"Saya menjalankan perniagaan sejak 15 tahun lalu dan dalam tempoh tertentu, pegawai veterinar datang membuat pemantauan. Jika tidak bersih, mustahil burung walet datang membuat sarang."



Shou Khang (kiri) dan Chew Chin Lai di hadapan rumah sarang burung walet di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar.

"Kami sedia memberi kerjasama kepada Jabatan Kesihatan Kedah sekiranya mahu melihat keadaan dalam sarang. Saya juga tidak menyalahkan mana-mana pihak yang mendakwa sarang burung menjadi penye-

bab penyakit," katanya. Shou Khang berkata, sehingga kini beliau tidak dijangkiti chikungunya sedangkan pejabatnya hanya terletak di depan bangunan rumah burung.

(FOTO BERNAMA)

45,000 ekor benih udang kara dirampas

Dua individu turut ditahan pihak berkuasa

MOHAMAD
NORZAHARUDDIN

BAJU PAHAT

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Batu Pahat menahan dua individu dan merampas 19 peti polisterin mengandungi sebanyak 45,000 ekor benih udang kara yang disyaki cuba diseludup masuk tengah malam semalam.

Pengarah APMM Zon Batu Pahat, Komander Maritim Mohammad Othman berkata, tangkapan pada jam 12.50 pagi itu hasil kerjasama di antara pihaknya dengan Pasukan Gerakan Am



Kotak polisterin yang mengandungi benih udang kara.

(PGA) Batalion 6 serta Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA).

"Hasil daripada pemeriksaan ke atas sebuah bot dan dua suspek di Sungai Muar mendapati 19 peti polisterin mengandungi lebih kurang 450 bungkusan lutsinar yang mengandungi benih udang kara dipercayai cuba dibawa masuk untuk dipasarkan di negara ini.

"Keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai RM90,000 termasuk sebuah bot yang digunakan dalam cubaan itu dan suspek serta bot berkenan kemudiam dibawa ke APMM Zon Batu Pahat untuk siasatan lanjut," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Perikanan 1985 pihaknya serius dalam usaha

TANGKAPAN APMM ZON BATU PAHAT

- Nilai rampasan RM90,000
- 19 polisterin dirampas
- Tangkapan dengan kerjasama PGA Batalion 6 dan Sistem Pengawasan Maritim Laut

membanteras aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang terutamanya di perairan negara.

Katanya, APMM juga mengharapkan kerjasama daripada orang ramai supaya segera melaporkan sebarang aktiviti yang menyalaui undang-undang yang terpelai di perairan Zon APMM Malaysia dan sebarang aduan dan kecamasan di laut boleh menghubungi talian 999 dan pusat operasi APMM Zon Batu Pahat di talian 074344020.



45,000 benih udang dirampas

Batu Pabat: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Batu Pabat menahan dua individu dan merampas 19 kotak polisterin mengandungi 45,000 benih udang kara disyaki cuba diseludup masuk di Sungai Muar, kelmarin. Pengarahnya, Komander



BENIH udang kara yang cuba diseludup dirampas APMM.

Maritim Mohammad Othman berkata, tangkapan pada 12.50 tengah malam itu hasil kerjasama bersama Batalion 6 Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Sistem Pengawasan Maritim Laut (SWASLA) membabitkan nilai rampasan keseluruhan RM90,000.

"Tangkapan ini adalah hasil pemeriksaan ke atas sebuah bot dinaiki dua suspek warga tempatan berusia 24 dan 50 tahun di Sungai Muar.

"Sebanyak 19 kotak polisterin mengandungi 450 bungkus lutsinar yang mengandungi benih udang kara dirampas dalam pemeriksaan itu," katanya.

Menurutnya, pihaknya

tidak menolak udang kara itu dipercayai cuba dibawa masuk untuk dipasarkan di negara ini.

"Rampasan dan suspek dibawa ke Zon Maritim Batu Pabat untuk siasatan lanjut mengikut Akta Kastam 1967 dan Akta Perikanan 1985," katanya.

Bellau berkata, Maritim Malaysia serius dalam usaha membanteras aktiviti yang melanggar undang-undang di perairan negara.

"Justeru, kami mengharapkan kerjasama daripada orang ramai supaya segera melaporkan sebarang aktiviti yang menyalaahi undang-undang yang terkai di perairan Zon Maritim Malaysia," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2019	BERITA HARIAN	BISNES	58

MARDI cadang perluas tanaman durian MDUR 88

Institut Penyelidikan dan Ke-majuan Pertanian Malaysia (MARDI) merancang memperluas tanaman durian hibrid, terutama jenis MDUR 88, dalam usahanya mengkomersialkan lagi buah itu, kata Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian Johor bersetuju mengusahakan penanaman MDUR 88 di kawasan seluas dua hektar (lima ekar).

Buat masa ini, katanya kira-kira 28 hektar durian hibrid jenis MDUR 88 serta MDUR 79 dan MDUR 78 ditanam di lima stesen

penyelidikan MARDI di Kluang, Johor; Kuala Kangsar, Perak; Jerangau, Terengganu; Sintok, Kedah dan Ibu Pejabat MARDI Serdang, Selangor.

"Antara tiga durian hibrid ini, yang paling popular ialah MDUR 88 kerana warna isinya yang keemasan dan rasanya yang manis berlemak, setanding Musang King," katanya ketika ditemui pada Majlis Raya Aidilfitri MARDI di Serdang, semalam.

10,000 benih dijual

Sejak diperkenalkan pada 1991,

Mohamad Roff berkata, lebih 10,000 benih durian MDUR 88 dijual kepada orang ramai.

"Benih MDUR 88 ini dibeli individu, jadi kita tidak dapat kesan di mana kedudukan pokok terbit kerana mereka membelinya dalam kuantiti yang kecil.

"Sebab itu kami berusaha mempromosi tanaman ini agar ditanam secara meluas dalam skala besar di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

Pada masa ini, katanya peminat durian boleh mendapatkan MDUR



Mohamad Roff Mohd Noor

88, adalah karukan melalui dua induk, iaitu D19 dan D24 di stesen penyelidikan MARDI.

Dalam pada itu, Mohamad Roff berkata, pihaknya akan menganjurkan Duritourism sempena Hari Bertemu Pelanggan MARDI Perak pada 4 Julai ini di Stesen MARDI Kuala Kangsar.

"Pihak kami juga akan memperkenalkan lagi durian hibrid hasil penyelidikan MARDI dan orang ramai berpeluang untuk melihat inovasi durian yang dihasilkan MARDI," katanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2019	KOSMO	NEGARA	6

MARDI perluas tanaman durian hibrid MDUR 88

SERDANG - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) merancang memperluas tanaman durian hibrid, terutama jenis MDUR 88 dalam usahanya mengkomersialkan lagi buah itu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Roff Mohd. Noor memberitahu, Jabatan Pertanian Johor bersetuju mengusahakan penanaman MDUR 88 di kawasan seluas dua hektar di negeri itu.

Buat masa ini katanya, kira-kira 28 hektar durian hibrid jenis MDUR 88 serta MDUR 79 dan MDUR 78 ditanam di lima stesen penyelidikan MARDI di Kluang, Johor; Kuala Kangsar, Perak; Jerangau, Terengganu; Sintok, Kedah dan Ibu Pejabat MARDI Serdang, Selangor.

"Antara tiga durian hibrid ini, yang paling popular ialah MDUR 88 kerana warna isinya yang kee-

masan dan rasanya yang manis berlemak, setanding Musang King," katanya ketika ditemui *Bernama* pada Majlis Raya Aidilfitri MARDI di sini semalam.


Sejak diperkenalkan pada 1991, Mohamad Roff berkata, lebih 10,000 benih durian MDUR 88 dijual kepada orang ramai.

"Benih MDUR 88 ini dibeli individu, jadi kita tidak dapat kesan di mana kedudukan pokok-pokok tersebut kerana mereka membelinya dalam kuantiti yang kecil.

"Sebab itu kami berusaha mempromosi tanaman ini agar ditanam secara meluas dalam skala besar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

Pada masa ini, katanya, peminat durian boleh mendapatkan MDUR 88, yang merupakan kacukan melalui dua induk iaitu D10 dan D24, di stesen-stesen penyelidikan MARDI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2019	KOSMO	K2	20



RENCANA
UTAMA

TANAH gambut yang terdapat di Kuala Langat, Selangor sesuai untuk penanaman nanas termasuk jenis Yankee.

Kuala Langat bakal hab nanas di Selangor

Penanaman nanas di Kuala Langat, Selangor dirancarkan lagi dengan pelbagai usaha meningkatkan pendapatan komuniti dan penyelidikan dalam mengoptimalkan manfaat serta kegunaan tumbuhan itu menerusi pelancaran Program Pembangunan Hab Nanas Kuala Langat baru-baru ini.

MENCEBURKAN diri dalam bidang pertanian tanpa sebarang minat, bukanlah sesuatu yang pernah terlintas di fikirannya. Bercueuk tanam sekadar cuba-cuba pada 16 tahun lalu, Mohd. Faizal Samakon, 43, mula menanam nanas dengan menumpang kebun milik seorang penduduk kampung di Kampung Batu 10, Kebun Baharu, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor.

Namun, lama-kelamaan minat untuk serius mengusahakan tanaman itu mula berputik dan mekar dalam dirinya.

Katanya, mengusahakan tanaman itu bukanlah suatu tugas mudah, lebih-lebih lagi apabila ia memerlukan kesabaran, ketekunan dan komitmen berterusan.

"Pokok nanas yang ditanam ini mengambil masa sehingga 12 bulan sebelum boleh dituai dan meraih hasilnya.

"Selain itu, ia memerlukan penjagaan rapi serta menelan belanja besar yang melibatkan kos pembersihan kebun, racun dan baja bagi mendapatkan buah yang cantik," ujarnya ketika ditemui K2 di Kebun Baharu baru-baru ini.

Mohd. Faizal merupakan salah seorang daripada hampir 80 pengusaha kebun nanas di Kuala Langat.

Baru-baru ini, daerah itu menjadi tumpuan apabila Program Pembangunan Hab Nanas Kuala Langat telah dilancarkan oleh Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar.

Kuala Langat dilihat berpontesi menjadi hab nanas di Selangor bersandarkan gerak kerja yang dilakukan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) selain pelbagai program akar umbi, bantuan dan khidmat nasihat yang telah



XAVIER (tiga dari kiri) melancarkan Program Pembangunan Hab Nanas di Kuala Langat baru-baru ini.



FAIZAL menunjukkan kebun nanas yang dimilikinya di Kampung Kebun Baharu, Teluk Panglima Garang.

diberikan kepada pengusaha tanaman itu di situ.

Bermula daripada menanam pada keluasan setengah ekar, kini Mohd. Faizal telah berjaya mengusahakan kebun nanas seluas dua hektar (lima ekar).

Difahamkan, setiap kali musim menuai, pendapatan yang diraih pengusaha boleh mencecah sehingga RM50,000.

Pada hemat Mohd. Faizal, nanas kini berpotensi menjadi komoditi penting buat Kuala Langat, lebih-lebih lagi apabila 60 peratus pekebun di daerah itu kini memberikan fokus terhadap tanaman berkenaan.

Nanas yang merupakan buahan utama di Malaysia, selain durian dan pisang, dikatakan telah ditanam di negara ini sejak tahun 1950-an lagi.

Buah yang kaya dengan vitamin A, B1 dan C itu juga banyak ditanam di negeri Johor, Kelantan, dan Pulau Pinang.

Tanaman kontan itu semakin berkembang sehingga ke Kuala Langat kira-kira 30 tahun dahulu.

Di Selangor, selain Kuala Langat, tanaman nanas turut terdapat di daerah-daerah lain seperti Sabak Bernam dan Klang.

Penyertaan

Justeru, bagi meningkatkan pendapatan petani dan penanam nanas setempat, projek rintis program pembangunan hab nanas telah dilancarkan di Kuala Langat.

Penyelaras Program Pembangunan Hab Nanas Kuala Langat, Irwan Ismail berkata, projek itu merupakan kerjasama antara Parlimen Kuala Langat, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Ini dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan komuniti menerusi penjualan buah dan penghasilan produk hiliran lain berasaskan buah tropika itu.

"Ketika ini, hampir 80 peserta berdaftar dalam Program Pembangunan Hab Nanas Kuala Langat melibatkan keluasan tanah seluas 29.6 hektar.



RENCANA
UTAMA

INFO

Nanas

- Nama saintifiknya *Ananas comosus*
- Adalah sejenis tumbuhan tropika
- Tumbuhan asli berasal dari Brazil, Bolivia dan Paraguay
- Tumbuhan ini berada dalam kumpulan bromeliad
- Berdaun panjang dan tajam mengelilingi batang yang tebal
- tergolong dalam buah bukar klimakterik iaitu hanya masak di pokok
- Di Malaysia, ia banyak ditanam di negeri Johor, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Sarawak
- Burung kelicap merupakan haiwan penendangannya
- Antara varieti nanas yang disyorkan untuk ditanam di Malaysia ialah Sarawak, Gandol, Mauritius (Moris), N36 dan Josapine
- Keluasan tanaman nanas di Malaysia adalah 13,149 hektar

KERANGKA dron ini dihasilkan menggunakan serat daun nanas.



"Projek kerjasama antara penduduk tempatan dengan UPM dan UTHM itu melibatkan tiga kampung iaitu Kampung Batu 9, Batu 10 dan Jenjarom," jelasnya.

Jelas Irwan, keadaan geografi di Kuala Langat yang dikelilingi tanah gambut menjadikannya kawasan yang ideal untuk penanaman nanas.

Yankee

Menurutnya, nanas yang popular ditanam di Kuala Langat adalah daripada varieti Queen iaitu nanas Yankee atau digelar sebagai Selangor Sweet.

Varieti nanas yang sangat popular di Selangor itu memiliki buah yang besar dan banyak sulur. Ia sentiasa mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan pengguna dan pemborong setempat.

Selain itu, pokoknya besar dan tinggi sehingga satu meter. Ia mampu menghasilkan buah dengan purata berat sehingga 14 kilogram sebitil.

Buah nanas Yankee manis dari segi rasa, berjus lazat selain memiliki pelbagai khasiat.

Tambah Irwan, projek rintis berkenaan memerlukan anggaran dana sebanyak RM50,000 dan ketika ini ia sudah mendapat sedikit suntikan dana menerusi UPM.

Ia membabitkan perusahaan penanaman dan penghasilan bahan

berasaskan nanas, dengan pengenalan mesin hasil kajian kedua-dua universiti awam itu yang mengeluarkan serat daripada daun nanas.

Serat daripada daun nanas itu kemudian digunakan menghasilkan kertas, kraftangan, bahan makanan haiwan selain bahan komposit untuk aplikasi kejuruteraan bio berteknologi tinggi bagi industri automotif dan aeroangkasa.



IRWAN



WAHID

la termasuklah membina kerangka dron daripada serat daun nanas dengan kerjasama Malaysia Unmanned Drone Activist Society (MUDAS).

"Petani, penternak dan peladang perlu bersama-sama berganding bahu serta memainkan peranan masing-masing bagi mengangkat martabat ekonomi sektor pertanian tempatan.

"Paling penting ialah dari sudut pelaksanaan dan sokongan masyarakat dalam menjayakan projek rintis ini," ujarnya lagi.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly berkata, pihaknya amat berterima kasih kepada pembangunan projek rintis itu.

Daun nanas

Katanya, melihat potensi nanas yang bukan sekadar dimakan buahnya semata-mata, pelbagai produk dapat dihasilkan dengan menggunakan daun nanas sebagai bahan asas seperti kertas, kraftangan dan pelbagai produk sampingan lain.

Secara tidak langsung, bahan buangan daripada buah terbahit dapat diusahakan sehingga menjadi sumber pendapatan masyarakat setempat tanpa perlu bergantung kepada hasil jualan buah berkenaan.

"Pihak kami bersedia memberikan kerjasama dalam pelbagai bentuk sama ada penyelidikan dan sebagainya untuk kebaikan rakyat.

"Kami

berharap tanaman nanas ini boleh dijadikan satu kemegahan buat masyarakat di sini sekali gus memacu industri pertanian negara lebih maju ke hadapan," jelasnya.


Penolong Pegawai Hal Ehwal Ekonomi LPNM Daerah Kuala Langat Selangor, Mohd. Raffee Mohd. Hassan berkata, industri nanas negara perlu berkembang dengan memasarkan tanaman berkenaan secara kreatif dan inovatif.

"Seiring dengan perkembangan industri hiliran nanas, pembuatan produk di luar kotak perlu dipergiatkan.

"Pengusaha ladang tidak perlu risau kerana tanaman kontan ini mempunyai potensi yang sangat besar dan telah pun berada di pasaran sekarang meliputi aiskrim, karpap, cip dan nanas goreng," kongsiannya.

Selain itu, LPNM turut memberikan pelbagai subsidi tanaman nanas kepada pengusaha tempatan bagi mengukuhkan segmen tanaman berkenaan.

Antara input pertanian yang diperkenalkan juga termasuklah dalam bentuk baja, bahan tanaman dan benih. Setakat tahun 2017, nilai bersih pengeluaran nanas negara sebanyak RM452,208.87.

NANAS juga boleh dijadikan minuman jus yang menyegarkan.  Gambar hiasan

Manfaatkan sebaiknya serat nanas

NANAS adalah tumbuhan asli berasal dari negara-negara Amerika Selatan seperti Brazil, Bolivia dan Paraguay.

Buah nanas tergolong dalam buah bukar klimakterik iaitu buah yang hanya masak di pokok.

Di Malaysia, buah ini popular ditanam di negeri Johor, Selangor, Kelantan, Pulau Pinang dan Sarawak.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, pihaknya sentiasa memberikan



AINI

sokongan bagi menjalankan penyelidikan demi memacu kecemerlangan sektor pertanian negara ke peringkat lebih tinggi.

"UPM diberi tanggungjawab dan komitmen yang tinggi dalam penyelidikan berkaitan pertanian.

"Menerusi projek rintis Program Pembangunan Hab Nanas Kuala Langat yang dilancarkan baru-baru ini, ia berupaya memperkasa pihak UPM sebagai pusat kecemerlangan pertanian negara," katanya ketika ditemui

K2 di Kebun Baharu, Kuala Langat baru-baru ini.

Malah jelasnya, ia secara tidak langsung dapat melonjak jaringan industri di antara UPM dengan masyarakat setempat selari dengan visi universiti itu.

Mengulas mengenai produk daripada serat tumbuhan nanas, Aini berharap inisiatif itu dapat dimanfaatkan sebaiknya.

Kongsinya, memanfaatkan serat daripada tumbuhan nanas dalam bidang sains dan teknologi itu juga dapat meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.

Ia memiliki potensi nilai jualan yang tinggi dan projek rintis itu wajar diteruskan dalam skala lebih besar.

Katanya lagi, kejayaan dalam projek rintis itu juga berupaya menjadi pemangkin ekonomi setempat dan wajar dicontohi oleh kawasan pertanian lain dalam negara.

Aini berkata, kerjasama dan strategi pihak terlibat ini juga diharapkan dapat meningkatkan kadar keluasan tanaman, bilangan pengusaha serta kadar pengeluaran nanas pada masa hadapan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/6/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	24

Puchong

Ikan murah, bekalan cukup

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menafikan bekalan ikan di seluruh negara tidak mencukupi sepanjang musim perayaan lalu, malah harga di pasaran juga lebih murah.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, lambakan ikan serta tangkapan tinggi menyebabkan harga dan bekalan ikan tidak terjejas.

“Harga ikan rendah

berbanding musim tertentu. Ia bergantung kepada faktor permintaan dan tawaran termasuk faktor ikan didaratkan.

“Sekarang sumber bekalan ikan banyak dan tiada masalah bekalan di seluruh negara.

“Dulu harga ikan kembung mencecah RM20 sekilogram tetapi kini saya difahamkan harga ikan kembung RM15 sekilogram,” katanya.

Segera pemutihan senarai petani aktif

Setiap tahun peruntukan untuk pelbagai jenis subsidi kepada petani diagihkan, namun persoalan besar timbul apabila data lengkap mengenai petani aktif dikatakan tiada. Soalnya sekarang kepada siapa peruntukan subsidi diagihkan selama ini? Adakah penerimanya benar-benar dalam kalangan petani aktif?

Kita percaya sudah terlalu lama soal ketirisan subsidi berlarutan, sehingga kerajaan menanggung impak kerugian jutaan ringgit setiap tahun. Justeru kerajaan perlu memandang serius perkara ini jika benar-benar ikhlas mahu membantu petani.

Sudah sampai masanya kerajaan menggerakkan agensi di bawahnya seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta Jabatan Pertanian untuk melakukan pemutihan dalam senarai petani aktif di kawasan liputan masing-masing.

Langkah ini penting untuk mengelak ketirisan subsidi terus berlaku, selain memastikan hanya yang benar benar terbabit aktiviti pertanian secara langsung, menerima manfaat pengagihan subsidi. Tindakan tegas juga perlu diambil ke atas mana-mana pihak yang dikesan menyalah guna peruntukan subsidi ini demi kepentingan peribadi.

Agensi PPK guna data lama buat pesanan

Kuala Lumpur: Beberapa agensi berkaitan padi dikesan memesan baja daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) tanpa mempunyai data pemutihan petani terbaharu, sejak bertahun-tahun lamanya.

Agensi yang juga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) itu dikatakan tidak mempunyai rekod keluasan keluasan tanah padi baharu serta petani aktif, sejak sekian lama memesan baja melalui data lama yang dikatakan tidak diperbaharui.

Perkara itu disahkan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Datuk Ir Phalrolrazi Mohd Zawawi, berkata agensi berkenaan hanya melaksanakan program pemutihan terbaharu sekitar penghujung

tahun lalu sahaja.

Kata beliau, NAFAS menyalurkan baja berdasarkan pesanan yang dimohon PPK dan tidak maklum sama ada ia dipesan melalui data terbaharu atau lama.

"Tetapi apabila saya bertemu dengan mereka baru-baru ini, contohnya satu agensi padi ini mereka mengakui tidak mempunyai rekod terbaharu dan baru-baru ini sahaja ia sedang dilaksanakan.

"NAFAS tidak mengambil tanggungjawab terhadap data pemutihan ini kerana NAFAS hanya menyediakan dan membekalkan baja sahaja. Sama ada mereka serah, bagaimana mereka guna, ia bukan tanggungjawab kami," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin BH mendedahkan, ketiadaan data lengkap jumlah petani aktif dipertawai menyebabkan

kerajaan kerugian jutaan ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan penyelewengan dalam aghian subsidi baja.

Terdapat 155,000 pesawah di seluruh negara, namun difahamkan jumlah mereka yang aktif dengan keluasan kawasan diusahakan tidak dikemas kini sejak 20 tahun lalu.

Sementara itu dalam temu bual khas baru-baru ini, Phalrolrazi berkata, pemberian subsidi baja pada tahun ini sama seperti tahun sebelumnya kerana ia dilaksanakan berdasar data sedia ada.

Data pemutihan petani

"Tiada peningkatan bermaksud kuantiti yang masih tidak berubah. Jika ada data pemutihan terbaharu, barulah ada perubahan," katanya.

Beliau berkata, data mengenai

pemutihan petani tidak lengkap perlu dilaksanakan segera bagi mengelakkan kerugian kepada kerajaan serta aktiviti penyelewengan.

"Saya melihat kerajaan sudah lama memberi padi untuk meringankan beban petani tetapi terdapat kawasan-kawasan tidak membuat pemutihan.

"Sedangkan dalam tempoh 10 ke 20 tahun kawasan pertanian ini akan berkurangan sama ada menjadi perumahan, wujudnya kampung baharu, pengambilalihan untuk jalan baharu atau dijadikan terusan parit. Akan ada petani yang tidak aktif setiap masa, oleh demikian pentingnya data pemutihan ini," katanya.

Ditanya mengenai ketirisan subsidi baja, Phalrolrazi mengemukakan pemutihan yang tidak dilak-

sanakan membuka ruang untuk aktiviti penyelewengan berlaku kerana bekalan baja diberikan mengikut data yang sedia ada.

"Bekalan diberikan dan ada petani yang datang mengambil baja meskipun dia tidak lagi mengurus sambilan tanaman itu atau hanya menanam sebahagian sahaja. Lebihan itu mereka mungkin jual.

"Sepatutnya jika lebihan, mereka kena pulangkan semula kepada Persatuan Peladang Kebangsaan (PPK), tetapi mereka tidak melakukan perkara itu kerana menganggap kerajaan sudah beri dan ia menjadi hak mereka," katanya.

"Tambah beliau, mereka juga mengesan ada pihak mengambil baja itu dan melakukan pembungkusan semula untuk dijual semula untuk memperolehi keuntungan mudah.

25/6/2019

MINGGUAN
AMANAH

NASIONAL

3

Durian sejuk beku sumber baru pendapatan negara

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menjangka lebih banyak syarikat akan mendapat kelulusan mengeksport durian sejuk beku pada masa depan berikutan ia menjadi sebahagian salah satu sumber kekayaan baharu negara.

Demikian kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahudin Ayub ketika melancarkan pengeksportan pertama durian berbentuk biji ke China 17 Jun lepas.

"Industri durian akan memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha-pengusaha yang sekaligus menjadikan durian sebagai komoditi eksport utama negara pada masa hadapan.

"Bagi memastikan kelangsungan industri ini dalam jangka masa panjang, pengusaha adalah diminta agar memainkan peranan untuk menjaga nama baik industri durian negara.

"Ladang-ladang perlu diurus berdasarkan Sistem Amalan Baik Pertanian seperti MyGAP dan keaslian buah-buah yang diekport mesti dijamin tulen," ujarnya dalam kenyataan.

Belau melancarkan pengeksportan surplus 4 tan durian sejuk beku ke China oleh kumpulan pertama yang mendapat kebenaran mengeksport durian sejuk beku di perkarangan Kementerian pertanian di Putrajaya.

Kebenaran untuk mengeksport durian

sejuk beku dalam bentuk biji (whole fruit) telah dibenarkan kepada 5 syarikat iaitu Exofruits Industry Sdn. Bhd; JL Food Industries Sdn. Bhd; PHG Ever Fresh Food (M) Sdn. Bhd; Top Fruits Sdn. Bhd dan; KAMI Food Services Sdn. Bhd.

Menurut Salahuddin lagi, syarikat yang berminat perlu merujuk dan mendaftar dengan Jabatan Pertanian bagi memastikan mereka akan turut mendapat peluang untuk mengeksport durian sejuk beku ke China.

Katanya lagi, nilai eksport pada tahun 2018 dalam bentuk ini adalah RM9.445 juta (235.62 tan metrik) dengan pengeksportan sukung buah durian sejuk beku dalam bentuk biji pada hari ini, akan bermulalah

satu fenomena baharu di negara China. "Kementerian menjangkakan sekurang-kurangnya 1,000 tan metrik durian khususnya varieti premium akan menembusi pasaran Chinapada setiap bulan.

"Nilaian kepada sumbangan eksport negara dijangka kira-kira RM0.5 billion setahun. Anggaran lebih tepat akan dapat disediakan apabila ianya mula memasuki pasaran China dan respons dari pengguna diperolehi kelak.

"Kementerian yakin jumlah pengeluaran akan mencukupi bagi memenuhi pasaran tempatan, pasaran luar negara sedia ada dan yang terbaharu dari pasaran besar China," ujarnya.

Harga barangan semakin terkawal

TINJAUAN positif sepanjang musim perayaan dilihat berkurangnya rungutan dalam kalangan pengguna menjadi bukti jelas kejayaan bersepadu setiap kementerian di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Ini mencerminkan kejayaan kerajaan Pakatan Harapan. Naib Pemuda AMANAH Nasional, Shazni Munir Mohd Ithnin, berkata, kejayaan tersebut terutamanya usaha daripada Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Menurut beliau, langkah memasukkan 27 senarai barangan mentah dan memanjangkan tempoh Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) daripada 15 hari kepada 30 hari telah menunjukkan hasil positif.

Ini perancangan yang berjaya bagi negara, di mana kementerian Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri di bawah Pakatan Harapan telah menemui rentak dan formula terbaik untuk melakukan islah menyeluruh yang bakal memberikan manfaat besar kepada rakyat.

Bagi Shazni Munir, rakyat sebagai pemegang saham terbesar kepada kerajaan hari ini berhak untuk menerima semula hasil tuai, setelah perubahan besar yang mereka kenderai setahun yang lalu, katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru kepimpinan di setiap peringkat, khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dan MPKK untuk sentiasa fokus terhadap isu-isu yang terkait langsung dengan kebajikan dan keperluan rakyat khususnya orang muda supaya mereka benar-benar merasai perubahan yang sedang dan telah pun digerakkan oleh kerajaan ketika ini.

Dari tinjauan *Malaysia Dateline* juga mendapati rata-rata pengguna laman sosial Facebook dan Twitter yang meluahkan rasa teruja kerana harga barangan mentah di pasaran tidak mengalami kenaikan harga seperti tahun-tahun

sebelum ini terutama apabila menjelang musim perayaan.

Mereka berkata, tiada lagi isu kekurangan minyak dan gula untuk tahun ini. Tahun ini tak ada didengar minyak tidak cukup, gula kena sorok dan kena catu. Tahun ni tidak dengar rungutan, semua selesa. Manakala pengguna lain turut mengakui tidak kedengaran kenaikan harga pada musim perayaan kali ini.

Raya kali ini tidak kedengaran pula harga ayam naik, harga daging naik, gula kena sorok. Perasan tak? Rakyat mengucapkan terima kasih kepada menteri yang memastikan harga dalam keadaan terkawal.

Untuk raya tahun ni, rekod paling murah ayam tidak naik. Buat pertama kalinya harga ayam bawah RM10 seekor.

Ini jelas gambaran usaha kerajaan Pakatan Rakyat telah berjaya melaksanakan janjinya, untuk menangani masalah rakyat dalam semua bidang kehidupan.

Ini juga membuktikan kerajaan PH memenuhi janjinya dalam manifestonya dulu. Namun kita percaaya, masih tetap ada yang cemburu dengan kejayaan PH walau sebaik manapun ia berusaha. Namun majoriti rakyat yang berjiwa merdeka tetap menyokong kerajaan PH.

Masalah harga barangan sudah sekian lama menjadi rungutan, namun dengan kestabilan harga barangan menjadi jawapan yang tepat.

Tinjauan positif sepanjang musim perayaan dilihat berkurangnya rungutan dalam kalangan pengguna menjadi bukti jelas kejayaan bersepadu setiap kementerian di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL). Ini mencerminkan kejayaan kerajaan Pakatan Harapan.

Kita berterima kasih Naib Pemuda AMANAH Nasional kerana memberikan laporan yang sangat melegakan, yang bermakna menolak pelbagai tanggapan negatif selama ini terhadap kerajaan Pakatan Harapan.